

Cari..



Cabaran doktor muda, peluang memperkukuh sistem kesihatan negara

🕒 20/04/2026 | 1:04 PM - 📁 PERSPEKTIF



Gambar hiasan/RTM

SAUDARA PENGARANG

RINGKASAN BERITA AI

Peraturan waktu kerja lebih tegas dan kemanusiaan untuk elak keletihan melampau serta risiko keselamatan pesakit.

Perjelas laluan kerjaya dan semak ganjaran pengiktirafan dan agihan doktor lebih s

Pelaksanaan sokongan kesihatan mental untuk mewujudkan program bimbingan berstruktur kementerian.



Breaking News:
Insiden penting sedang berlaku

Mahu Ikuti kemas kini secara langsung?

Ya, aktifkan

Tidak sekarang

Terdapat satu kisah seorang doktor pelatih, setelah kepenatan bekerja lebih 12 jam tanpa henti, akhirnya berpeluang menarik nafas lega. Saat itu, barulah terasa nikmat sebenar untuk berehat.

Cari..

Sampai di dalam kereta, telefon bimbitnya berbunyi, satu e-mel peringatan diterima: Permohonan untuk menyambung kontrak kerja bagi tahun hadapan. Dalam keletihan yang belum reda, beliau termenung seketika. Lalu terlintas satu persoalan yang sukar ditepis: "Adakah semua ini benar-benar berbaloi?"

Inilah antara realiti kerja yang bakal dilalui oleh seorang pelajar perubatan. Setelah berhempas pulas menamatkan pengajian, keyakinan terhadap jaminan masa depan dalam sistem kesihatan negara semakin menipis. Situasi ini bukan lagi sekadar kebimbangan individu, tetapi satu isyarat awal kepada krisis yang lebih besar.

DISYORKAN

Harta beku, waris buntu: Sampai bila?

Bila tekanan kerja tidak lagi boleh dipandang ringan

1 Mei keperluan membela pekerja media dalam ekonomi digital

Hari Pekerja: Menyemai Itqān dan Ahsanu 'Amala dalam ekosistem kerja moden

Dilema ini bukan sekadar persepsi. Satu kajian kebangsaan pada tahun 2024 yang melibatkan 859 pelajar perubatan dari 21 institusi mendapati hanya 3% peratus yang melihat masa depan mereka dalam sektor kesihatan awam secara positif.

Persoalan besar yang perlu ditanya ialah: Adakah sistem kita? Krisis kekurangan doktor perubatan (HO) yang berlaku hari ini tidak boleh diabaikan.

Ini adalah hasil daripada rentetan dasar dan pelaksanaan yang tidak konsisten sejak lebih satu dekad lalu. Perbaikan jangka sementara mungkin menyelesaikan masalah jangka pendek. Namun, dalam masa yang sama mencipta cabaran baharu yang kini semakin terserlah.

Dalam masa yang sama, pengalaman latihan doktor muda turut menjadi faktor yang tidak boleh dipandang ringan. Beban kerja yang tinggi, tempoh bertugas



Breaking News:
Insiden penting sedang berlaku

Mahu Ikuti kemas kini secara langsung?

Ya, aktifkan

Tidak sekarang

Cari..

Bagi sebahagian graduan, termasuk Graduan Perubatan Antarabangsa Malaysia (MIMG), cabaran ini menjadi lebih kompleks.

Selain perlu menyesuaikan diri dengan sistem kerja tempatan, mereka turut berhadapan dengan jurang komunikasi, perbezaan istilah klinikal, serta proses pentadbiran yang mengambil masa sebelum dapat memulakan latihan.

Beban kewangan akibat pinjaman pengajian, khususnya bagi mereka yang belajar di luar negara, turut menambah tekanan dalam keadaan kos sara hidup yang semakin meningkat.

Semua faktor ini akhirnya membentuk satu gambaran yang jelas: Cabaran yang dihadapi bukan sekadar isu individu, tetapi mencerminkan tekanan sistemik yang memerlukan perhatian segera.

Bagi memulihkan keyakinan generasi doktor masa hadapan, pembaikan yang lebih menyeluruh dan berani perlu dilaksanakan. Beberapa langkah strategik yang utama perlu diberi perhatian.

Pertama, waktu bekerja perlu dikawal selia dengan lebih tegas dan berperikemanusiaan. Amalan bekerja sehingga 30 jam tanpa henti bukan sahaja tidak mampan, malah berisiko kepada keselamatan pesakit.

Negara seperti Singapura telah melaksanakan pasukan khas mengendalikan syif malam dan menetapkan had jam kerja mingguan yang melampau.

Kedua, laluan kerjaya perlu diperjelaskan. Mengenai penyerapan ke jawatan tetap dan peluang kepakaran merupakan antara faktor utama yang melemahkan semangat doktor muda.

Model seperti di Singapura yang menawarkan laluan alternatif seperti skim "Hospital Clinician" boleh dijadikan rujukan, di mana pegawai perubatan boleh



Breaking News:
Insiden penting sedang berlaku

Mahu Ikuti kemas kini secara langsung?

Ya, aktifkan

Tidak sekarang

Cari..

tinggi atau kawasan pedalaman perlu dipertingkatkan.

Ini penting bukan sahaja untuk mengekalkan tenaga kerja, tetapi juga untuk memastikan pengagihan doktor yang lebih seimbang di seluruh negara.

Keempat, sokongan kesihatan mental dan budaya kerja perlu diberi perhatian serius. Budaya kerja yang menekan serta isu buli yang telah lama dinormalkan perlu ditangani melalui mekanisme yang telus dan berkesan.

Di Singapura, inisiatif seperti jawatankuasa kesejahteraan doktor muda, sesi pengurusan tekanan berkala, serta rangkaian sokongan rakan sekerja telah diperkenalkan. Pendekatan sebegini boleh membantu membina persekitaran kerja yang lebih sihat dan menyokong.

Kelima, beban kerja pentadbiran yang tidak sepatutnya perlu dikurangkan. Ramai doktor muda terpaksa menghabiskan masa dengan tugas dokumentasi berulang yang boleh dipermudahkan melalui penggunaan teknologi.

Inisiatif seperti *Get Rid of Stupid Stuff* (GROSS) di Singapura dan penggunaan jurutulis kecerdasan buatan di United Kingdom menunjukkan bahawa inovasi digital mampu meningkatkan kecekapan tanpa menambah beban.

Keenam, program bimbingan yang lebih berstruktur perlu diperkenalkan. Latihan perubatan tidak seharusnya bergantung semata-mata kepada sistem hierarki. Sebaliknya, pendekatan mento muda berkembang dalam suasana yang

Bagi MIMG, program orientasi khusus terhadap pendedahan kepada sistem kerja tempatan dan proses penyesuaian.

Akhir sekali, penyelesaian kepada isu ini memerlukan pendekatan menyeluruh dan perlu melibatkan semua pihak. KKM tidak boleh bergerak secara bersendirian. Kerjasama dengan Kementerian Pengajian Tinggi perlu diperkukuh.



Breaking News:
Insiden penting sedang berlaku

Mahu Ikuti kemas kini secara langsung?

Ya, aktifkan

Tidak sekarang

onal
rlapFokus ▾
Mandat ▾Niaga
BES+Kes
LIVEGlobal
MS

Cari..

Menyeru semangat pengorbanan semata-mata tidak lagi mencukupi jika sistem itu sendiri tidak mampu menyokong mereka yang berada di dalamnya. Jika kita mahu doktor muda terus berbakti, maka sistem kesihatan perlu menjadi tempat yang memberi harapan, bukan sekadar tuntutan.

Ini kerana apabila keyakinan generasi pelapis mula goyah, yang terkesan akhirnya bukan sahaja profesion itu sendiri, tetapi keseluruhan sistem kesihatan yang menjadi sandaran rakyat.

Artikel ini merupakan pandangan peribadi penulis dan tidak semestinya mewakili pandangan mahu pun pendirian rasmi RTM.



Dr Azril Shahreez Abdul Ghani
Pensyarah Fisiologi dan Pendidikan Perubatan
Kulliyyah Perubatan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
e-mel: azrilshahreez@iium.edu.my



Dr Mohd Salami Ibrahim
Pensyarah Pendidikan Perubatan
Fakulti Perubatan, Universiti Sultan Zainal



Breaking News:
Insiden penting sedang berlaku

Mahu Ikuti kemas kini secara langsung?

Ya, aktifkan

Tidak sekarang



onal
rlapFokus ▾
Mandat ▾Niaga
BES+Kes
LIVE

Global


MS

Cari..


0:03 / 0:20

PALING POPULAR

Jet peribadi terhempas, timbalan menteri dan empat maut



Iran berjaya bedil USS Abraham

**Breaking News:**
Insiden penting sedang berlaku

Mahu Ikuti kemas kini secara langsung?

Ya, aktifkan

Tidak sekarang

KATA KUNCI



onal
rlap

Fokus
Mandat

Niaga
BES+

Kes
LIVE

Global

MS

Cari..



Barcelona hampir merebut gelaran La Liga...

3 Mei 2026 10:51 am



Polis Korea Selatan kenakan sekatan...

3 Mei 2026 10:46 am



Ribuan pengunjung serbu High Park saksikan...

3 Mei 2026 10:05 am



Kejohanan bola sepak komuniti perkasa bakat...

3 Mei 2026 8:33 am



Harta beku, waris buntu: Sampai bila?

3 Mei 2026 8:18 am



Bila tekanan kerja tidak lagi boleh dipandang...

3 Mei 2026 7:37 am



Kanak-kanak perempuan maut, lemas di Jeram Toi

3 Mei 2026 6:51 am



Breaking News: Insiden penting sedang berlaku

Mahu Ikuti kemas kini secara langsung?

Ya, aktifkan

Tidak sekarang



onal
rlap

Fokus
Mandat

Niaga
BES+

Kes
LIVE

Global

MS

Cari..



Bekas pemandu F1 dan
legenda paralimpik...

3 Mei 2026 5:33 am



Rakyat Israel bantah
Netanyahu, gesa...

3 Mei 2026 5:28 am

MESTI BACA



PM umum tiga inisiatif
utama sempena Hari...

1 Mei 2026 12:29 pm



Kerajaan perkenal Elaun
Pasca Cuti Bersalin bant...

1 Mei 2026 11:07 am



Kapal GSF dan aktivis
didakwa akan diturunka.

1 Mei 2026 3:05 am



Israel pintas kapal GSF,
Malaysia tuntutan tindakan...

1 Mei 2026 1:28 am



Breaking News:
Insiden penting sedang berlaku

Mahu Ikuti kemas kini secara langsung?

Ya, aktifkan

Tidak sekarang

onal
rlapFokus ▾
Mandat ▾Niaga
BES+Kes
LIVE

Global

MS

Cari..



Berita Ehwat Semasa

Berita RTM, Wisma Berita,
Angkasapuri Kota Media,
50614 Kuala Lumpur



☎ : +60322823119

✉ : portalberita@rtm.gov.my

✉ : Aduan & Maklum balas

Hak Cipta Terpelihara @ 2026 Radio Televisyen Malaysia, Berita Ehwat Semasa (BES)

Hak Cipta | Penafian | Polisi Keselamatan

Pihak Portal Berita RTM tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan atau kerosakan yang dialami kerana menggunakan maklumat dalam laman ini.



Breaking News:
Insiden penting sedang berlaku

Mahu Ikuti kemas kini secara langsung?

Ya, aktifkan

Tidak sekarang